





UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
**PEMBELAJARAN TERADUN
GANTIAN (PTG)**
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PUSAT PEMBANGUNAN
DAN KECEMERLANGAN AKADMIK
(PPKA)




ISI KANDUNGAN



SEJARAH	3
TUJUAN.....	4
PELAKSANAAN.....	5
ELEMEN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN	6
Bahan Pembelajaran	6
Aktiviti Pembelajaran	7
Pentaksiran	7
PEMANTAUAN	8
Proses Pemantauan	8
Pihak Bertanggungjawab/Peranan di bawah Pusat Tanggungjawab	8
AMALAN TERBAIK.....	11
HAL-HAL LAIN.....	12

SEJARAH




1. Pelaksanaan pembelajaran teradun boleh dibahagikan kepada dua mod utama iaitu mod sokongan dan mod gantian. Mod sokongan adalah merujuk kepada penggunaan pembelajaran dalam talian yang menyokong penyampaian bersemuka manakala mod gantian pula merujuk kepada pembelajaran dalam talian yang menggantikan secara langsung pembelajaran bersemuka.
2. Sehingga kini, polisi e-Pembelajaran UMS hanya menggariskan panduan untuk pembelajaran teradun (mod sokongan). Definisi operasi pembelajaran teradun (mod sokongan) yang digunapakai di UMS adalah merujuk kepada kursus yang menggabungkan mod pembelajaran bersemuka dengan 30%-79% kandungan, aktiviti dan pentaksiran pembelajaran dikendalikan secara dalam talian iaitu pendekatan pembelajaran mod dalam talian (CAP e-Pembelajaran 2014, KPM).
3. Rasional kepada usul pembelajaran teradun secara mod gantian ini adalah untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar melalui pendekatan dalam talian dengan merekabentuk pelbagai jenis aktiviti dalam talian yang menarik dan berkesan untuk mereka. Mod gantian juga selari dengan kaedah pembelajaran fleksibel yang membenarkan pelajar belajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Dengan wujudnya pembelajaran teradun gantian, proses pembelajaran dan pengajaran tidak hanya terbatas pada masa yang terhad di ruang fizikal kuliah dan bersesuaian dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21.

TUJUAN



1. Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan kepada semua warga akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) tentang proses pelaksanaan dan pemantauan pembelajaran teradun gantian supaya proses ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan teratur. Ia juga memberi sumber maklumat dan penerangan kepada fakulti, akademi, pusat dan institut untuk merangka strategi bagi melaksana dan memantau pelaksanaan pembelajaran teradun gantian ini.

PELAKSANAAN



1. Pelaksanaan pembelajaran teradun gantian (PTG) di UMS, adalah antara 30% sehingga 79% daripada Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) dalam satu semester penuh. Pelaksanaan PTG ini perlu secara teratur dan mempunyai dokumentasi yang betul.
2.
 - a. 40% pertama SLT daripada SLT yang dilaksanakan secara dalam talian adalah melibatkan elemen bahan pembelajaran dalam talian;
 - b. 40% kedua SLT daripada SLT yang dilaksanakan secara dalam talian adalah melibatkan elemen aktiviti pembelajaran dalam talian; dan
 - c. 20% terakhir SLT daripada SLT yang dilaksanakan secara dalam talian adalah melibatkan elemen e-pentaksiran.
3. Staf akademik perlu menyatakan dan melabelkan dengan jelas di pelantar e-Pembelajaran UMS minggu kuliah yang dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan label "pembelajaran teradun gantian (PTG)".
4. Pelaksanaan pembelajaran teradun gantian perlulah dipetakan kepada Unit Pembelajaran (Learning Unit – LU) dan Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcomes – CLO) dan dinyatakan dalam templat Table 4 yang disediakan oleh pihak PPKA.
5. Pelajar perlu dimaklumkan tentang minggu kuliah yang akan digantikan dengan pembelajaran teradun gantian dan arahan tugas/aktiviti bagi kuliah berkenaan perlu dinyatakan dengan jelas dalam pelantar sistem pengurusan pembelajaran (Learning Management System) UMS.
6. Kehadiran pelajar pada minggu yang dilaksanakan pembelajaran teradun gantian perlu direkodkan melalui mekanisme yang dirasakan sesuai oleh pensyarah. Contohnya, pelajar hanya akan dikira hadir sekiranya melengkapkan aktiviti yang ditetapkan pada minggu tersebut.

ELEMEN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN



Tiga (3) elemen e-Pembelajaran (bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan e-pentaksiran) perlu diwujudkan dan dinyatakan dengan jelas bagi minggu kuliah yang dijalankan secara mod gantian.

1. Bahan Pembelajaran

Bahan pembelajaran yang disediakan boleh dalam format multimedia (video, audio, imej, grafik atau teks) yang bersesuaian dengan pembelajaran pelajar. Antara bahan pembelajaran dalam talian yang sesuai adalah:

- a. Video pengajaran (*instructional video*)
- b. Penstriman video secara langsung (*live video streaming*)
- c. Rakaman sesi kuliah (*classroom lecture*)
- d. Rakaman audio (*audio podcast*)
- e. Rakaman skrin (*screencast*)
- f. Pembentangan berbentuk penceritaan (*narrated presentation*)
- g. Animasi, menggunakan aplikasi *powtoon* dan seumpamanya.
- h. Simulasi maya (*VR/MR/AR*)
- i. Video temu bual
- j. Video sesi praktikal/makmal
- k. Artikel
- l. Petikan
- m. E-kandungan lain yang sesuai

2. Aktiviti Pembelajaran

Antara aktiviti pembelajaran dalam talian yang boleh dijalankan adalah:

- a. Aktiviti kolaboratif (contoh: perbincangan, forum, perkongsian konten digital, peta minda, bengkel, seminar)
- b. Kandungan interaktif
- c. Simulasi
- d. Refleksi
- e. Kaji selidik
- f. Aktiviti lain yang sesuai

3. Pentaksiran

Pentaksiran yang dijalankan dalam pembelajaran teradun gantian boleh dilaksanakan secara pentaksiran formatif (formative assessment) atau sebagai maklum balas (feedback) kepada pelajar tentang kelemahan dan kekuatan dalam penguasaan suatu kandungan atau kemahiran. Pemberian markah kepada sebarang pentaksiran yang dijalankan dalam talian adalah tidak diwajibkan dan tertakluk kepada perancangan kursus pensyarah tersebut:

Contoh-contoh pentaksiran dalam talian yang boleh dilakukan adalah:

- a. Kuiz
- b. Penghantaran tugas/laporan
- c. Pentaksiran sendiri
- d. Pentaksiran rakan sebaya (peer assessment)
- e. Kaedah pentaksiran dalam talian lain yang bersesuaian

PEMANTAUAN



1. Proses Pemantauan

Pelaksanaan pembelajaran teradun gantian perlulah melalui proses yang ditetapkan seperti berikut:

- a. Mengesahkan pelaksanaan PTG di peringkat Fakulti/Akademi/Pusat/Institut. Ini termasuk pengesahan silibus kursus, perancang pengajaran, pelan pentaksiran kursus (course assessment plan), dan maklumat kursus (Table 4) yang melibatkan penetapan minggu mod gantian pada peringkat pihak pengurusan atasan
- b. Memaklumkan kepada Jawatankuasa e-Pembelajaran Fakulti/Akademi/Pusat/Institut
- c. Melaksanakan pembelajaran dalam talian sebagai gantian sesi bersemuka.
- d. Membuat dokumentasi pelaksanaan pembelajaran teradun gantian untuk dimuatkan dalam portfolio fail kursus

2. Pihak Bertanggungjawab/Peranan di bawah Pusat Tanggungjawab

- a. Penyelaras e-Pembelajaran Fakulti/Akademi/Pusat/Institut
 - i. Memberi bantuan kepada staf akademik di Fakulti/Akademi/Pusat/Institut masing-masing untuk pelaksanaan pembelajaran teradun gantian.
 - ii. Memantau pelaksanaan pembelajaran teradun gantian dijalankan mengikut panduan yang disediakan oleh pihak PEP.
 - iii. Melapor pencapaian pelaksanaan pembelajaran yang dijalankan dengan menggunakan templat yang disediakan oleh pihak PEP dan perlu dihantar kepada Dekan dan Penyelaras Program Fakulti/Akademi/Pusat/Institut secara berkala. Pelaporan hanya dijalankan bagi kursus yang telah diluluskan untuk menjalankan pembelajaran teradun gantian.

- iv. Melapor pelaksanaan pembelajaran teradun gantian bagi setiap semester dalam mesyuarat Jawatankuasa e-Pembelajaran.
- b. Dekan Fakulti/Akademi/Pusat/Institut
- i. Memantau pelaksanaan pembelajaran teradun gantian yang dijalankan oleh staf akademik di fakulti atau pusat masing - masing agar sentiasa mematuhi panduan yang digariskan. Pemantauan ini boleh dilakukan dengan bantuan penyelar program dan penyelar e-Pembelajaran di Fakulti/Akademi/Pusat/Institut.
- c. Pusat e-Pembelajaran/Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik
- i. Memberikan taklimat serta menganjur dan mengkoordinasi program latihan dalam usaha pembudayaan pembelajaran teradun gantian.
 - ii. Menyediakan garis panduan untuk rujukan pemegang taruh pembelajaran teradun gantian.
 - iii. Menyediakan templat penyediaan laporan pelaksanaan pembelajaran teradun mod gantian.
 - iv. Memantau tahap pelaksanaan mengikut pelaporan daripada pihak Penyelaras e-Pembelajaran Fakulti/Akademi/Pusat/Institut kepada Jawatankuasa e-Pembelajaran.

d. Staf Akademik

- i. Memastikan pembelajaran teradun gantian dilaksanakan mengikut garis panduan.
- ii. Melaksanakan pembelajaran teradun gantian dengan berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran kursus.
- iii. Membuat dokumentasi pelaksanaan pembelajaran teradun gantian untuk dimuatkan dalam portfolio kursus
- iv. Membuat pelaporan berkala kepada pihak Fakulti/Akademi/Pusat/Institut tentang pelaksanaan pembelajaran teradun gantian.

AMALAN TERBAIK



1. Staf akademik digalakkan berinteraksi dengan pelajar secara dalam talian serta memberi maklum balas kepada persoalan pelajar.
2. Menyediakan ruang komunikasi kepada para pelajar untuk saling berinteraksi dan membangun komuniti pembelajaran dalam talian yang efektif dan aktif.
3. Memberi penerangan instruksional dan kehendak (expectations) yang jelas kepada pelajar apabila memberi tugas atau kandungan pembelajaran dalam talian. Staf akademik digalakkan memberi contoh yang bersesuaian kepada pelajar sebagai rujukan.
4. Pensyarah digalakkan menggunakan kaedah atau teknik pengajaran yang bersesuaian dengan pembelajaran dalam talian untuk memastikan pembelajaran yang berkesan.
5. Perkongsian bahan pembelajaran haruslah mengambil kira masa pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar. Jumlah masa yang diperlukan mestilah logik dan sesuai mengikut Student Learning Time (SLT) yang ditentukan dalam silibus kursus.
6. Menyediakan aktiviti dan pentaksiran pembelajaran dalam talian yang fleksibel dari segi masa untuk pelajar melengkapkan aktiviti dan pentaksiran.
7. Menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (student-centered learning, SCL) untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran dalam talian.
8. Modul pembelajaran dalam talian perlulah tersusun dengan jelas, bersistematik, dan dilabel supaya pelajar dapat mengikuti pembelajaran dalam talian secara berkesan.

HAL-HAL LAIN



1. Pelaksanaan dan pemantauan Pembelajaran Teradun Gantian di UMS adalah minimum 30% tertakluk kepada kesesuaian kursus di Fakulti/Akademi/Pusat/Institut yang berkenaan.
2. Fakulti/Akademi/Pusat/Institut perlu mengenalpasti kursus-kursus yang tidak boleh memenuhi pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian dan memaklumkan kepada Pusat E-Pembelajaran.
3. Garis panduan ini harus diteliti bersama dengan Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 (DePAN), Playbook Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (2022), Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (2020) dan Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DICT, UMS).
4. Pusat E-Pembelajaran akan memaklumkan kepada staf akademik dari semasa ke semasa jika terdapat sebarang perubahan dari segi komponen atau kriteria pelaksanaan dan pemantauan pembelajaran teradun gantian.